

12/02/2004

Agenda Abdullah kembalikan kerajaan ke pangkuan rakyat

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

TEKS ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kepada ahli Yayasan Cambridge (Malaysia) di Kuala Lumpur Golf and Country, malam kelmarin.

IZINKAN saya untuk mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Lembaga Amanah Yayasan Cambridge kerana menjemput saya malam ini. Tan Sri Ahmad Sarji sangat baik hati untuk membenarkan saya bercakap atas sebarang topik yang ingin saya sentuh dan memberikan saya kebebasan berbuat demikian. Maka saya memutuskan untuk bercakap mengenai perubahan landskap politik di Malaysia. Ia adalah subjek yang agak luas, tetapi ini akan membolehkan saya berkongsi dengan anda sebahagian daripada pemerhatian saya mengenai keadaan politik semasa di negara kita.

Apabila saya berdiri di Parlimen selepas mengambil alih kepemimpinan negara untuk mengemukakan usul terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad atas khidmatnya kepada negara, saya perhatikan cabaran paling besar yang dihadapi sebagai pengganti beliau adalah untuk mengurus dan membina kejayaan yang beliau tinggalkan. Saya tidak mewarisi sebuah negara dalam keadaan huru-hara. Saya tidak mewarisi peperangan, kerosakan atau krisis. Sebaliknya, apabila Tun Dr Mahathir menyerahkan tugas kerajaan, beliau memastikan saya mewarisi kejayaan.

Sebagai seorang yang bekerja rapat dengan beliau, terutama pada beberapa tahun terakhir pentadbirannya, saya berada dalam keadaan paling sesuai untuk memberi penghormatan kepada pandangan jauh, kesungguhan dan keazamannya. Apabila Malaysia tiba-tiba dilanda keadaan ekonomi yang buruk pada 1997/98, cabaran bagaikan tidak dapat diatasi. Kita berhadapan dengan persekitaran ekonomi luaran yang tiada maaf dan berbentuk manipulasi. Di dalam negara, kerajaan berhadapan cabaran politik, mencetuskan kebimbangan mengenai ketidakstabilan. Tetapi cabaran ini ditangani dengan berani oleh Tun Dr Mahathir. Beliau tidak mengelak daripada membuat keputusan berani dan tindakan yang tegas.

Hasil dasar berpandangan jauh yang berterusan dan pengurusan krisis yang cemerlang, Malaysia yang diamanahkan kepada saya adalah sebuah negara yang penuh berkeyakinan, berdaya maju, dinamik dan progresif. Bagaimanapun, dalam banyak perkara, mewarisi kejayaan adalah sama sukarnya dengan mengambil alih pada ketika krisis. Kita memerlukan seorang pemimpin untuk membebaskan negara daripada keadaan kelam kabut ketika krisis. Sementara mencapai kejayaan dalam keadaan seumpama itu bukan sesuatu yang mudah, anda memulakan langkah dari bawah dalam situasi yang tidak menentu. Bagi saya, situasi tidak menentu itu tidak berapa ketara, tetapi kesannya adalah nyata. Oleh itu, saya memberi keutamaan untuk menguruskan kejayaan yang telah diletakkan oleh Tun Dr Mahathir kepada negara ini.

Menguruskan kejayaan ini bukan mudah. Dalam dunia yang berubah dengan pantas dan saingan yang sengit, Malaysia perlu bekerja kuat untuk terus hidup dan kekal di hadapan. Tiada jalan mudah untuk kita. Mantera global adalah bersaing atau mati dan kita mesti bangkit untuk menghadapi cabaran ini. Kita boleh bina kejayaan kita untuk selamat dan berjaya. Atau, kita boleh berpuas hati dengan apa yang kita ada, tetapi akan mendapati bahawa kejayaan yang tidak diurus dan dibina di atas kejayaan itu, adalah kejayaan yang sekejap dan sejenak.

Saya sudah membuat komitmen kepada rakyat untuk membawa negara ini menghampiri cita-cita Wawasan 2020. Ia adalah janji yang ingin saya tepati dengan memastikan negara berkat yang dibebaskan Tunku Abdul Rahman,

dipelihara oleh Tun Razak, disatukan oleh Tun Hussein dan dipermodenkan oleh Tun Dr Mahathir kekal aman, makmur dan bersaing. Ia adalah janji yang saya buat kepada belia negara ini yang akan melangkau ke era 2020 dan yang akan menerajui Malaysia untuk lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Jika seminggu adalah masa yang lama dalam politik, apa lagi empat tahun. Malah, bagi pembangkang, empat tahun bagaikan selama-lamanya. Pada jangkaan saya, nasib mereka semakin terhakis sejak pilihan raya umum lalu apabila mereka berupaya mencapai beberapa kemenangan yang mengejutkan. Keengganan Tun Dr Mahathir untuk mengalah dan memutuskan untuk terus melawan - dan membuktikan semua kritik salah, memberi pukulan hebat kepada pembangkang. Proses peralihan licin yang mereka fitnahkan, adalah sesuatu yang tidak relevan. Bagi mereka, ia sepatutnya sudah lama berlaku.

Ketika pilihan raya umum 1999, pengundi berhadapan pilihan di antara Barisan Nasional (BN) dan kononnya barisan alternatif (BA). Parti pembangkang bergabung mengikut perancangan sementara tetapi yang menariknya, bukan di bawah satu lambang, demi meneruskan penentangan di dua peringkat untuk kerusi Parlimen dan negeri. Malah, ada yang kata bahawa BA akan muncul sebagai saingan serius kepada BN dalam sistem politik dua parti seperti di Amerika Syarikat atau di Britain.

Lebih empat tahun berlalu, apa yang terjadi kepada barisan alternatif? Gabungan parti pembangkang yang dibentuk secara tergesa-gesa sebelum pilihan raya itu, berpecah sebaik saja selepas pilihan raya dengan DAP menarik diri disebabkan ideologi yang bertentangan dengan Pas, parti utama dalam BA. Kini, keadaan tegang kelihatan di antara Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas, yang mengiktiraf cuma dirinya sebagai saingan serius kepada BN dan melayan rakan lain sebagai kumpulan terpinggir.

Pendeknya, barisan alternatif ternyata gagal. Ia gagal dalam matlamatnya untuk menawarkan kepada pengundi satu pilihan yang berwibawa kepada Barisan Nasional. Ia tidak berjaya kerana gagal melihat inti pati kepada perikatan politik BN iaitu berkongsi kuasa.

BA bersatu hanya kerana mereka berhadapan dengan musuh yang sama dan bukan kerana semangat dan matlamat yang sama. Dalam BN, kita berkongsi semangat perpaduan dan kita memperjuangkan matlamat sama demi keamanan dan kemajuan. Kita tahu apa yang kita mahu. BA hanya tahu apa yang mereka tidak mahu. Perkara itu tidak begitu sesuai bagi rakyat Malaysia. Rakyat menuntut perwakilan politik lebih daripada semata-mata undi protes. Itulah fenomena yang menyebabkan barisan alternatif hanya mampu hidup sekejap saja dan kenapa Barisan Nasional terus kekal untuk berjuang.

Barisan Nasional mewakili formula yang boleh dipercayai dan utuh. Kita mencuba dan sudah teruji. Kita berkongsi kuasa, bertanggungjawab secara kolektif dan bertolak ansur sesama sendiri, semuanya atas nama perpaduan nasional. Kita adunkan ideologi sesama kita bagi membolehkan kesepakatan bersama diperluaskan. Perbezaan kami membawa kami lebih rapat dan bukan memisahkan kami.

Perkongsian kuasa membolehkan usaha merangka dasar yang memenuhi aspirasi semua masyarakat sama ada dalam pendidikan, pengurusan ekonomi atau pembangunan sosial. Perkongsian kuasa telah mengajar kita supaya lebih sensitif dan bertolak ansur. Berkongsi kuasa juga bermakna berkongsi masa depan bersama. Dalam BN, kita amat jelas bahawa masa depan adalah untuk semua warga negara dan kita mempunyai pengalaman serta perancangan untuk menjadikannya satu kenyataan.

Kredibiliti BN diperkukuhkan lagi oleh hakikat bahawa tanpa mengubah komitmen kita daripada formula kongsi kuasa, kita secara konsisten mengubah serta memperbaharui keperluan semasa bagi memenuhi aspirasi rakyat. Pengalaman luas yang kita miliki dalam mewujudkan sebuah kerajaan yang berjaya, mengajar kita bahawa yang tiada kesudahan hanyalah perubahan dan kita perlu sentiasa berada di depan. Dasar BN sentiasa diperbaharui,

membawa idea dan dasar baru dengan generasi berterusan.

Pertumbuhan dengan ekuiti; pembangunan luar bandar; pembasmian kemiskinan; penyertaan demokrasi; pembinaan keupayaan; Perbadanan Malaysia; kepemimpinan melalui teladan; perindustrian; Koridor Raya Multimedia dan Wawasan 2020 adalah antara dasar yang diusahakan yang telah dilancarkan sebagai tindak balas kepada perubahan masa. Barisan Nasional tidak pernah berpuas hati dengan sekadar bergantung kepada rekod cemerlang. Kita sering mencari jalan untuk memperbaharui dan memperbaiki. Bagi kita, setiap pusingan politik mewakili peluang untuk pembaharuan dan perubahan.

Dalam tempoh beberapa tahun lalu, kita sudah bergerak ke arah memperkukuhkan BN sebagai entiti politik. Harus diingat bahawa tanpa usaha berterusan, parti komponen BN lebih mudah untuk melakukan sesuatu secara bersendirian. Kita sudah mempertingkatkan kerjasama di kalangan ahli kita. Kita sudah memperkukuhkan organisasi BN supaya lebih banyak program politik dapat dilaksanakan di bawah lambang BN dan bukan semata-mata atas lambang parti komponen masing-masing. Ini telah menimbulkan semangat penyertaan bersama-sama di dalam gabungan itu. Baru-baru ini, kita meminda Perlembagaan BN untuk mewujudkan secara rasmi Pemuda dan Wanita sebagai sayap rasmi BN. Ini adalah satu lagi langkah ke arah menjadikan BN lebih padu dan sebagai pertubuhan politik yang bersatu padu.

Soalan yang selalu ditanya kepada saya, terutama secara peribadi, adalah bila pilihan raya. Saya hanya akan beritahu anda bahawa ia akan diadakan bila-bila masa tahun ini seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Soalan kedua yang selalu ditanya kepada saya adalah apakah pendapat saya mengenai peluang Barisan Nasional, terutama di Utara dan Pantai Timur. Saya sudah katakan sebelum ini dan akan ulangi lagi bahawa saya yakin dengan tahap sokongan kepada BN hari ini.

Sepanjang lawatan saya ke negeri-negeri, saya dapat melihat keyakinan kepada BN. Dalam membuat penilaian, saya sangat berhati-hati untuk mendengar bukan saja laporan yang positif. Saya gembira untuk mengatakan bahawa menteri besar, ketua menteri dan pemimpin lain peringkat bawah memberi perhatian kepada seruan saya supaya bercakap benar kepada pemimpin tinggi. Mereka memberitahu saya perkara yang baik dan buruk, menjadikan bacaan saya mengenai keadaan di bawah lebih tepat.

Saya juga percaya bahawa BN, terutama Umno, telah bekerja keras untuk mengatasi kelemahan yang berlaku pada pilihan raya lalu. Kami telah berjaya menyatukan kembali ahli menerusi penjelasan yang lebih berkesan mengenai dasar dan usaha kerajaan. Kegiatan parti kami, terutama di Kelantan dan Terengganu, semakin berjaya menarik ramai orang yang mahukan kepemimpinan yang berwibawa. Kami telah menyuntik semangat baru di beberapa negeri yang perlu untuk menunjukkan kami tidak takut kepada perubahan. Pemuda dan Puteri terus menarik ahli baru dalam barisan mereka - kebanyakannya ahli profesional yang terpelajar. Jentera parti kami telah dipertingkatkan banyak kali dan kerumitan telah berjaya diatasi.

Kami bersikap lebih proaktif bagi menghadapi Pas di kawasan orang Melayu. Jika pada masa lalu kami kelihatan keberatan berdepan dengan Pas, terutama dalam isu mengenai Islam, hari ini kami lebih yakin untuk menyampaikan pandangan kami. Ada masa kami terperangkap. Kami bekerja keras dalam tindak balas kami. Sesetengah di kalangan pemimpin kami ada yang berpendapat cara terbaik menangani Pas ialah menjadi lebih Pas daripada Pas. Kami tidak lagi membiarkan perbincangan mengenai agama kepada Pas saja kerana kini kami telah berjaya mengetengahkan kefahaman Islam kami. Wawasan kami untuk ummah iaitu terpelajar, progresif dan makmur lebih diterima oleh majoriti rakyat Malaysia daripada ajaran Pas yang jumud, memecah belah dan menentang pembangunan.

Saya juga yakin bahawa kami berupaya untuk mendapat kembali undi yang

diraih oleh Pas pada pilihan raya lalu kerana kejayaan mereka sementara saja. Bukanlah menjadi rahsia lagi bahawa Pas menggunakan isu yang tiada kaitan langsung dengan mereka pada 1999. Mereka mengambil kesempatan di atas sentimen yang ada dan berjaya mendapat kerusi di Kedah dan menawan Terengganu. Tetapi jangan sangka kemenangan mereka itu tidak boleh ditembusi. Dua pertiga kerusi Pas di Dewan Undangan Negeri Kedah yang diperintah oleh BN, adalah kecil. Semua kerusi Parlimen Pas di Kedah adalah kecil. Kecil yang saya maksudkan ialah mereka menang dengan majoriti kurang 10 peratus. Di Terengganu, 60 peratus kerusi negeri yang dipegang oleh Pas dimenangi dengan majoriti kurang 2,000.

Semua ini tidak bermakna kami boleh menghadapi pilihan raya dengan selesa dan mengharapkan kemenangan besar. Ada banyak kerja yang masih perlu dilakukan untuk meyakinkan pengundi bahawa BN adalah pilihan terbaik. Faktor rasa selesa yang kami nikmati sekarang boleh hilang dengan mudah dengan pemilihan calon yang salah.

Dulu ada andaian kononnya Umno boleh letak songkok untuk bertanding dan songkok itu boleh menang. Pilihan pengundi hari ini berubah dengan ketara. Di kalangan pengundi sekarang sudah kurang melihat kepada parti. Rakyat lebih memberi perhatian kepada isu dan kewibawaan seseorang calon. Pengundi kini lebih bijak. Mereka mesti membuat pemilihan yang betul siapa yang akan menjadi wakil mereka. Ini menyebabkan calon tidak boleh bergantung kepada parti semata-mata. Calon mesti menjadi juara di kalangan rakyat, bukan setakat memimpin parti.

Atas sebab inilah saya mahu melihat rasa tanggungjawab yang lebih tinggi di kalangan wakil rakyat. Sebagai wakil yang dipilih, kami memikul amanah dan tanggungjawab berdasarkan kepercayaan rakyat. Jika kami mengkhianati amanah ini, rakyat mempunyai hak untuk menarik balik kepercayaan mereka dan menyingkirkan kami. Pemimpin politik mesti diukur dengan standard yang tinggi. Pada zaman di mana pengundi menjadi lebih bermaklumat, di mana isu mengenai dasar menjadi lebih kompleks dan di mana kawasan menjadi lebih bercampur dan pelbagai, sesiapa yang ingin menjadi wakil rakyat mesti diukur dengan ciri-ciri yang lebih ketat.

Sebagai Pengerusi Barisan Nasional, saya perlu memastikan calon kami adalah berwibawa dan memenuhi ciri yang dilihat oleh pengundi Malaysia. Tanggapan yang selalu saya dengar ialah rakyat tidak mempunyai masalah dengan BN dan Umno - sebenarnya mereka menyokong ideologi dan dasar yang kami bawa - tetapi mereka diketepikan oleh kehadiran orang yang tidak berwibawa. Atas sebab inilah saya mengkaji semula pencapaian semua wakil rakyat Barisan Nasional untuk memastikan mereka melaksanakan amanah yang diberikan kepada mereka oleh rakyat. Kerusi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri yang mereka menang adalah kerusi kawasan mereka. Jika mereka cuai dalam melaksanakan amanah rakyat, mereka gagal sebagai pemimpin.

Saya telah menghabiskan masa selama tiga bulan dalam tugas saya untuk menggariskan agenda bagi kerajaan saya. Saya gembira kerana hampir semua agenda ini diterima oleh mereka yang memberikan pendapat dan maklum balas mereka. Orang ramai menyambut baik sesetengah idea saya dan saya akan menggunakan pandangan mereka untuk memperbaiki lagi agenda saya, terutama dari segi pelaksanaan. Cabaran sentiasa ada. Kita mesti mengotakan apa yang kita katakan. Ini adalah cabaran kerana kesukaran sentiasa ada dalam perincian dan menggerakkan sesuatu biasanya menjadi tugas yang berat.

Tetapi saya tegas dengan janji saya bahawa agenda saya bukan sekadar janji manis atau janji pilihan raya. Kerajaan yang saya pimpin dan parti yang saya ketuai selama ini sudah membuktikan bahawa kami bekerja untuk rakyat dan bukan untuk mendapat undi. Agenda yang saya tetapkan adalah sesuatu yang saya mahu lihat dilaksanakan dan bukan sesuatu yang hanya sedap didengar dalam ucapan untuk mendapat tepukan. Sama ada bagi

mewujudkan pentadbiran awam yang lebih cekap; menghapuskan rasuah; mengurangkan kerenah birokrasi; mempunyai perkhidmatan kaunter yang lebih baik; memperkukuhkan institusi seperti polis; memperbaiki sistem pendidikan; mewujudkan pengurusan ekonomi yang telus dan berhemah; atau mewujudkan sumber pendapatan dan pertumbuhan baru bagi kawasan luar bandar, komitmen saya untuk melihat matlamat ini dicapai adalah tetap dan tidak berganjak.

Seratus hari saya yang pertama adalah pernyataan hasrat saya. Sekarang kita perlu bekerja dan menggerakkan apa yang dikata. Saya sedar sekarang ada pengharapan yang tinggi daripada pentadbiran saya. Ini berbeza daripada harapan yang sangat rendah sebelum saya mengambil alih. Menyedari harapan ini memerlukan setiap orang dalam pentadbiran saya untuk bangkit bekerja. Rakan Kabinet saya, kakitangan awam dan pemimpin politik lain perlu menunaikan janji untuk bekerja bersama saya bagi mencapai matlamat yang telah saya tentukan. Saya akan pegang janji mereka kerana agenda yang telah ditetapkan itu adalah besar. Ia memerlukan kebijaksanaan secara kolektif dan usaha bersama.

Apa yang telah saya tetapkan untuk dilaksanakan adalah bagi membawa balik kerajaan ke pangkuan rakyat. Kerajaan berkhidmat untuk rakyat dan dasarnya mesti memberi kuasa kepada rakyat dengan peluang, hak dan tanggungjawab. Kerajaan yang berkhidmat untuk rakyat memberi lebih kuasa kepada rakyat. Asas pertumbuhan ekonomi yang meluas dengan sumber baru di sektor luar bandar memberi kuasa kepada rakyat. Membasmi rasuah dan memastikan orang awam tidak menjadi mangsa kepada orang yang berkuasa tetapi sengaja melenghakannya. Seruan saya kepada anda supaya bekerja bersama saya memberi kuasa kepada anda. Jika peluang dan penyertaan menerusi penurunan kuasa itu adalah apa yang anda mahu, mesej saya adalah mudah: beri kuasa kepada kerajaan ini untuk memberi kuasa kepada anda. Percayalah kepada kepimpinan ini yang yakin kepada anda. Bekerjalah bersama saya, untuk berkhidmat kepada anda.